

**AKHBAR : KOSMO**  
**MUKA SURAT : 5**  
**RUANGAN : NEGARA**

## 85 tapak pembinaan di KL, Putrajaya jadi 'sarang' Aedes

**KUALA LUMPUR** — Sebanyak 85 tapak pembinaan di Kuala Lumpur dan Putrajaya didapati menjadi sarang pembiakan nyamuk Aedes, malah lebih membimbangkan apabila kebanyakan lokasi itu berdekatan dengan perumahan penduduk.

Pendedahan itu dibuat oleh Ketua Unit Vektor, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Dr. Norazman Mohd. Rosli.

Menurutnya, penemuan itu hasil daripada 137 pemeriksaan yang telah dilakukan pihaknya sejak awal tahun sehingga 4 Mei lalu.

"Secara puratanya, daripada 10 tapak pembinaan yang kita periksa, enam daripadanya positif (menjadi pusat pembiakan Aedes).

"Kita bimbang kerana Kuala Lumpur mempunyai banyak ta-

pak pembinaan dan rata-ratanya adalah bersebelahan dengan kawasan perumahan. Kita juga ada terima banyak kes wabak dengan yang bersebelahan dengan tapak pembinaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui Kosmo/semasa Operasi Penguatkuasaan Bersepadu yang turut disertai Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Ahmad Maslan di sebuah tapak pembinaan di Taman Naga Emas, Salak Selatan, di sini semalam.

Norazman berkata, dalam operasi tersebut, pihaknya mengeseng lapan kawasan pembiakan Aedes iaitu enam dalam bangunan dan dua di luar bangunan.

Katanya, susulan itu pihaknya telah mengenakan notis sebanyak RM4,000 dan tapak pembinaan itu akan ditutup selama 14 hari bagi kerja-kerja pembasmian kawasan Aedes.

"Kita bimbang kerana Kuala



AHMAD (kanan) bersama Norazman (tengah) melihat jentik-jentik yang ditemukan dalam operasi di tapak pembinaan di sekitar Kuala Lumpur semalam.

12.8 juta orang alami berat badan berlebihan

## Rakyat Malaysia semakin gemuk

**PETALING JAYA** — Lebih separuh daripada rakyat dewasa di negara ini mengalami masalah obesiti atau gemuk apabila sebanyak 54.4 peratus atau 12.8 juta daripada 23.6 juta orang dewasa mengalami berat badan berlebihan setakat tahun lalu.

Menerusi poster yang dikongsikan Kementerian Kesihatan (KKM) menerusi Bahagian Pernakan di platform media sosialnya semalam, trend berat badan berlebihan dan obesiti dalam kalangan dewasa meningkat lebih tiga peratus setiap tahun dari 2011 hingga 2023.

Sementara itu, data terkini The World Factbook – Central Intelligence Agency dari 2016 hingga 2024 pula mendedahkan, Malaysia muncul sebagai negara kedua di Asia Tenggara yang mempunyai ramai rakyat gemuk.

Brunei muncul sebagai pendahulu dengan 28.2 peratus rakyatnya mempunyai masalah berat badan, manakala Malaysia menduduki tempat kedua tertinggi mengutip peratusan sebanyak 19.7 peratus.

Singapura dan Thailand pula terikat pada 11.6 peratus di tangga ketiga dan keempat, manakala di bawahnya adalah Filipina, Indonesia, Myanmar, Laos serta Kembuja.

Dalam pada itu, KKM berkongsi lapan langkah pencegahan terbaik bagi mengelakkan obesiti yang menyumbang kepada



OBESITI adalah satu masalah serius yang sedang menular dalam kalangan masyarakat dunia termasuk Malaysia. — GAMBAR HIASAN

banyak penyakit kronik sehingga berisiko membawa kematian.

Antara langkah pencegahan yang disaran adalah pilih makanan rendah gula dan lemak, makan dalam kuantiti kecil, kurangkan masa bermain gajet dan mengantikannya dengan aktiviti riadah.

"Selain itu, minum air kosong sekurang-kurangnya lapan gelas sehari, makan ketika lapor dan berhenti sebelum kenyang.

"Makan selewat-lewat tiga hingga empat jam sebelum tidur, lakukan senaman secara tetap dan berkala serta pantau berat badan sekali seminggu," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 1  
RUANGAN : MUKA HADAPAN

# 27 juta rakyat ke hospital kerajaan

Oleh HAFIZ SAIDINA  
hafiz.umor@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Sebanyak 80 peratus atau kira-kira 27 juta daripada keseluruhan 34 juta rakyat Malaysia mendapatkan rawatan di fasiliti kerajaan menyebabkan isu kekurangan petugas kesihatan awam berterusan.

Berdasarkan Petunjuk Kesihatan 2023, jumlah keseluruhan doktor berdaftar yang direkodkan sehingga 31 Disember 2022 adalah sebanyak 74,694 orang.

Seorang doktor kerajaan rawat lebih 500 pesakit

Daripada jumlah itu, seramai 58,193 doktor berkhidmat di sektor awam manakala 16,501 di sektor swasta.

Ini bermakna seorang doktor yang bertugas di sektor awam perlu merawat

lebih 500 pesakit dengan mengambil kira 80 peratus daripada lebih 34 juta rakyat Malaysia mendapatkan perkhidmatan di situ.

Bagaimanapun, Petunjuk Kesihatan 2023 mengunjurkan nisbah seorang doktor adalah 412 pesakit (1:412) berbanding 1:420 pada 2021. Untuk kemudahan penjagaan kesihatan awam, nisbah yang disyorkan adalah seorang doktor kepada 400 pesakit (1:400).

Bersambung di muka 3

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## 27 juta rakyat ke hospital kerajaan

Dari muka 1

Bekas Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Lee Boon Chye berkata, unjuran nisbah tersebut mengikut tahap pendapatan kemajuan negara terkini serta nisbah keseluruhan yang merangkumi kedua-dua doktor dari sektor awam dan swasta.

Menurutnya, nisbah yang disyorkan kepada seorang doktor adalah 400 pesakit (1:400) tidak terlalu jauh tetapi terdapat beberapa masalah sehingga menyebabkan kekurangan pegawai perubatan.

"Hampir 80 peratus atau 27 juta rakyat di negara ini lebih memilih untuk pergi ke hospital kerajaan. Ini menunjukkan pegawai perubatan di hospital

kerajaan merawat lebih ramai pesakit," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Semalam, dilaporkan sebanyak 747 pegawai perubatan yang menamatkan latihan siswazah ditempatkan di fasiliti kesihatan seluruh negara bermula bulan ini bagi mengatasi kekurangan pegawai perubatan sedia ada.

Penempatan itu juga bertujuan memberi latihan supaya mereka mendapat pendedahan dan latihan klinikal mencukupi.

Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan, langkah itu penting supaya mereka mampu memberi perkhidmatan berkualiti dan dapat mengamalkannya dengan selamat.

Mengulas lanjut, Boon Chye berkata, Malaysia kekurangan pakar pegawai perubatan yang muda.

"Jika dilihat, hospital kerajaan kekurangan pakar perubatan dalam kalangan orang muda berbanding yang sudah berumur dan dilaporkan akan menamatkan khidmatnya."

"Kita kekurangan semua pakar di dalam setiap bidang. Ini menyebabkan terdapat temu janji untuk pembedahan terpaksa ditangguhkan sehingga ada pakar yang lain," katanya.

Tambahnya, urusan penyampaian sistem perkhidmatan di Kementerian Kesihatan (KKM) harus dipertingkatkan untuk lebih efisien.

"Jika penyampaian itu lebih

efisien, pesakit tidak akan kerap ke hospital dan dapat mengurangkan kesesakan di hospital.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr. Azizan Abdul Aziz berkata, unjuran berdasarkan petunjuk kesihatan tersebut tidak menggambarkan keadaan sebenar di lapangan dalam penjagaan kesihatan awam.

Menurutnya, penting untuk mempunyai data mengenai pengagihan pekerja penjagaan kesihatan.

"Hanya dengan data ini boleh tahu kekurangan dan bilangan pekerja penjagaan kesihatan yang kita perlukan di setiap kemudahan dan harus dikongsi di papan pemuka di laman web KKM," katanya.

**AKHBAR : THE STAR**  
**MUKA SURAT : 14**  
**RUANGAN : VIEWS**

THE rise of e-cigarettes has led to a troubling trend: an increasing number of nonsmokers and minors being drawn to vaping, enticed by their appealing flavours and designs.

The perception of e-cigarettes being a safer alternative has grown due to claims from some quarters that they pose fewer health risks than traditional cigarettes, leading to their gradual acceptance as a substitute. However, the extent to which e-cigarettes are truly less harmful remains unclear at present.

Many individuals experiment with vaping under the assumption that they will not become addicted to it. Unfortunately, just like traditional cigarettes, this often isn't the case, particularly for minors who are susceptible to peer pressure and trends related to e-cigarettes. But perhaps the biggest concern lies in the possibility that this addiction may become entrenched in future generations, leading to an intergenerational threat to everyone's health.

## Don't let smoking ruin our future

All forms of tobacco products are detrimental to health, leading to preventable diseases such as lung cancer, heart disease, and chronic obstructive pulmonary disease. These conditions not only harm individual health but also impose significant medical expenses on families and society, burdening our already overstretched healthcare system. It is therefore crucial for the public to remember not to use or consume anything that harms our bodies, even if it is perceived less harmful.

Furthermore, there are significant negative impacts of smoking on our economy. A common argument in favour of the tobacco industry is its purported substantial contribution to our GDP. However, its actual economic impact is minuscule compared with the enormous health-related expenses smoking incurs. These funds could otherwise be allocated towards more critical areas

such as improving education, infrastructure, and social welfare.

Smoking also imposes a significant financial toll on low-income families. It not only affects their well-being but also increases their risk of illness, leading to more time off work and eventually impacting household income. Not to mention the associated medical expenses can hinder their ability to afford essential items and maintain decent living standards.

Both e-cigarettes and traditional cigarettes pose significant threats to health, social well-being, and the economy. A healthy, vibrant, and innovative nation requires a society that refrains from smoking to reduce the impact of non-communicable diseases on the healthcare system.

Therefore, we urge the government, social organisations, and all Malaysians to collaborate in implementing proactive strategies to curb smoking. This includes expanding smoke-free areas,

intensifying educational campaigns and awareness efforts, and raising taxes on tobacco products. It is crucial for us to establish a future smoke-free nation for the benefit of our children.

**DR WENCY BUI**  
Senior lecturer  
School of Business and  
Economics  
Universiti Putra Malaysia  
Member of Malaysian  
Women's Action for Tobacco  
Control and Health  
(MyWATCH)

In conjunction with World No Tobacco Day on May 31 themed 'Protecting Children from Tobacco Industry Interference', MyWATCH is organising the SegarRun run/walk/cycle event on June 2 at Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. For more information and to register go to [mywatch.my](http://mywatch.my).